

**EKONOMI TINGKATAN 5**  
**MODUL AMANJAYA SPM 2018**  
**KERTAS 1**

**TAJUK : 5.0 EKONOMI DAN KERAJAAN**  
**Standard Kandungan : 5.2 Penunjuk Ekonomi**

1. Antara yang berikut, yang manakah merupakan penunjuk ekonomi?
  - I Guna tenaga
  - II Jumlah populasi
  - III Indeks harga pengguna (IHP)
  - IV Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

A I dan II                                      C II dan III  
B I dan IV                                      D III dan IV
2. Pengiraan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) membantu kerajaan untuk
  - A Menetapkan kadar inflasi
  - B Menetapkan kadar pertukaran asing
  - C Mengukur kadar pertumbuhan penduduk
  - D Mengukur kadar pertumbuhan ekonomi
3. Antara yang berikut, pernyataan yang manakah **benar** tentang inflasi?
  - A Kenaikan tingkat harga umum barang dan perkhidmatan secara berterusan di pasaran
  - B Kenaikan pendapatan yang diterima oleh pekerja-pekerja dalam sesebuah ekonomi
  - C Kenaikan upah nominal akibat daripada kenaikan tingkat harga umum barang dan perkhidmatan
  - D Kenaikan nilai eksport dalam sesebuah ekonomi menyebabkan imbalan pembayaran lebihan
4. Antara yang berikut, yang manakah dapat menunjukkan taraf hidup penduduk sesebuah negara?
  - A Saiz bandar
  - B Saiz penduduk
  - C Pendapatan per kapita penduduk
  - D Bilangan pekerja dalam sektor perindustrian
5. Antara yang berikut, pernyataan yang manakah adalah **benar**?
  - I Pertumbuhan ekonomi bermaksud peningkatan dalam keluaran negara
  - II Kestabilan harga bermaksud tingkat harga umum meningkat pada kadar yang rendah
  - III Guna tenaga penuh bermaksud setiap penduduk dalam negara mempunyai pekerjaan
  - IV Imbalan pembayaran stabil bermaksud aliran masuk wang ke dalam negara sama dengan aliran keluar wang

A I dan II                                      C II dan III  
B I dan IV                                      D III dan IV
6. Maklumat di bawah menunjukkan keadaan sesebuah ekonomi.

Harga input yang digunakan dalam proses pengeluaran barang X meningkat sebanyak 3% menyebabkan harga barang X yang dijual di pasaran meningkat sebanyak 4%.

Apakah jenis inflasi yang berlaku di atas?

- A Inflasi bermusim                                      C Inflasi tolakan kos  
B Inflasi diimport                                      D Inflasi tarikan permintaan

7. Apakah kesan yang akan berlaku jika terdapat pembaziran faktor buruh dalam ekonomi?
- I Pengangguran menurun
  - II Hasil kerajaan berkurang
  - III Ketidakcekapan dalam pengeluaran
  - IV Pendapatan negara sebenar meningkat
- A I dan II                                  C II dan III  
B I dan IV                                 D III dan IV
8. Manakah yang berikut menerangkan tentang inflasi tarikan permintaan?
- A Ia kesan daripada kenaikan dalam kos pengeluaran
  - B Ia kesan daripada kenaikan harga barang yang diimport
  - C Ia kesan daripada peningkatan permintaan agregat melebihi penawaran agregat
  - D Ia kesan daripada desakan kenaikan kadar upah buruh
9. Maklumat di bawah berkaitan dengan satu rumus dalam ekonomi.

Syarikat Tayar Isma Sdn Bhd telah memberhentikan ramai pekerjaanya semasa berlaku kemelesetan ekonomi kerana ingin mengurangkan kos perbelanjaan.

13. Apakah konsep pengangguran?
- A Tenaga buruh yang terlibat dalam kegiatan pengeluaran
  - B Tenaga buruh yang aktif mencari kerja dan sanggup bekerja tetapi gagal mendapat pekerjaan
  - C Tenaga buruh yang bekerja di sektor swasta
  - D Tenaga buruh yang sanggup bekerja dan meningkatkan hasil ekspor negara

14. Maklumat di bawah menunjukkan masalah sosial di Malaysia.

- ✓ Peningkatan kadar kemiskinan
- ✓ Peningkatan kes jenayah
- ✓ Kehilangan kemahirandan keyakinan diri

Masalah di atas berpunca daripada

- A Peningkatan kadar inflasi  
B Peningkatan pelaburan asing  
C Peningkatan nilai mata wang  
D Peningkatan kadar pengangguran

15. Antara yang berikut, yang manakah merupakan faktor pertumbuhan ekonomi?

- I Pertukaran asing  
II Imbangan dagangan  
III Kemajuan teknologi  
IV Sumber alam semula jadi
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

16. Maklumat di bawah berkaitan dengan data ekonomi di Malaysia.

| Butiran         | Juta Orang |
|-----------------|------------|
| Jumlah penduduk | 31.70      |
| Tenaga buruh    | 22.03      |
| Pengangguran    | 1.109      |

Guna tenaga di Malaysia ialah

- A 9.67 juta orang      C 20.921 juta orang  
B 23.139 juta orang      D 30.591 juta orang

17. Inflasi tolakan kos disebabkan oleh

- I Kenaikan harga saham  
II Kenaikan upah pekerja  
III Kenaikan harga bahan mentah  
IV Kenaikan cukai pendapatan syarikat
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

18. Antara yang berikut, padanan yang manakah adalah **benar**?

|   | <b>Objektif Makroekonomi</b>  | <b>Strategi</b>                        |
|---|-------------------------------|----------------------------------------|
| A | Guna tenaga penuh             | Mengurangkan kadar pengangguran        |
| B | Kestabilan harga              | Kerajaan mengeluarkan barang keperluan |
| C | Pertumbuhan ekonomi           | Mengawal pelaburan sektor swasta       |
| D | Kestabilan imbalan pembayaran | Mengawal eksport negara                |

19. Pernyataan di bawah menunjukkan satu situasi yang berlaku dalam ekonomi.

Perubahan struktur ekonomi negara daripada sektor utama kepada sektor kedua dan ketiga menyebabkan ramai pekerja ladang kehilangan pekerjaan.

Situasi di atas menggambarkan

- A Pengangguran kitaran
- B Pengangguran struktur
- C Pengangguran geseran
- D Pengangguran bermusim

20. Peningkatan pertumbuhan ekonomi di Malaysia akan membawa kepada

- I Peningkatan infrastruktur fizikal
  - II Peningkatan kadar pengangguran
  - III Peningkatan bilangan kakitangan awam
  - IV Peningkatan taraf pendidikan penduduk
- A I dan II                      C II dan III  
B I dan IV                      D III dan IV

21. Antara yang berikut, pengangguran yang manakah bersifat sementara dan memberikan kesan yang paling kecil terhadap ekonomi Malaysia?

- A Pengangguran kitaran
- B Pengangguran struktur
- C Pengangguran geseran
- D Pengangguran bermusim

22. Kenaikan kadar inflasi secara berterusan akan menyebabkan

- A Import meningkat
- B Tabungan menurun
- C Nilai Ringgit Malaysia meningkat
- D Harga barang dan perkhidmatan menurun

23. Pada tahun 2013, jumlah tenaga buruh di Malaysia ialah 13 634 600 orang dan bilangan penduduk yang bekerja ialah 13 210 000 orang.  
Kadar pengangguran pada tahun tersebut ialah

- A 3.01%                      C 3.11%  
B 3.09%                      D 3.21%

24. Antara yang berikut, faktor yang manakah menyebabkan kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia meningkat daripada 4.68% kepada 6.01% pada tahun 2014?

- A Penggunaan teknologi yang canggih dalam pengeluaran
- B Pengurangan kegunaan buruh tempatan dalam pengeluaran
- C Taraf pendidikan penduduk menurun
- D Masyarakat tidak mengamalkan sikap keterbukaan

25. Antara yang berikut, yang manakah **bukan** merupakan penunjuk ekonomi yang utama?

- A Keluaran negara                      C Pertumbuhan ekonomi  
B Inflasi                      D Kestabilan politik negara

26. Kadar pertumbuhan ekonomi dapat diukur dengan menggunakan

- A Indeks harga pengguna
- B Pendapatan negara benar
- C Pendapatan negara sebenar
- D Pendapatan per kapita



35. Yang manakah daripada pembolehubah berikut merupakan petunjuk penting dalam menentukan prestasi ekonomi sesebuah negara?
- A Pertambahan import dari luar negara
  - B Pertambahan pelaburan ke luar negara
  - C Pertambahan jumlah tenaga buruh di sesebuah negara
  - D Pertambahan jumlah keluaran yang dihasilkan dalam negara
36. Antara yang berikut, yang manakah **tidak** menerangkan pengangguran geseran?
- A Mobiliti buruh yang terhad
  - B Bersifat sementara dan jangka pendek
  - C Wujud disebabkan kurangnya maklumat tentang pekerjaan
  - D Disebabkan berlakunya kemerosotan permintaan agregat
37. Berikut merupakan matlamat dasar makroekonomi **kecuali**
- A Mencapai guna tenaga penuh
  - B Mencapai pertumbuhan ekonomi yang berterusan
  - C Mengurangkan jurang perbezaan pendapatan dalam kalangan masyarakat
  - D Menjamin kestabilan harga
38. Antara yang berikut, yang manakah kaedah pengiraan keluaran negara yang **tidak** diamalkan di Malaysia?
- A Kaedah keluaran
  - B Kaedah pendapatan
  - C Kaedah perbelanjaan
  - D Kaedah pendapatan dan keluaran
39. Antara yang berikut, yang manakah faktor yang menghalang pertumbuhan ekonomi?
- A Pembinaan infrastruktur fizikal
  - B Peningkatan taraf pendidikan
  - C Pertumbuhan penduduk yang pesat
  - D Penglibatan usahawan muda yang meningkat
40. Antara yang berikut, yang manakah menyebabkan inflasi tarikan permintaan dalam ekonomi yang mencapai guna tenaga penuh?
- A Peningkatan perbelanjaan kerajaan
  - B Peningkatan kadar cukai
  - C Peningkatan kadar faedah
  - D Pengurangan bekalan wang